



## Pengenalan ALPH

Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH), Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKS). Adalah sekumpulan pelawat (individu-individu) yang dipertanggungjawabkan menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Tugas-tugas dan amanah yang diberikan diharap dapat dilaksanakan dengan prihatin, berkesan dan berintegriti. Bagi sesi 2019-2020 ini, seramai tiga belas (13) orang ALPH yang mempunyai kepelbagaian latar belakang yang bersesuaian bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab ke atas masyarakat khususnya pengguna perkhidmatan di HWKKS

# Ahli Lembaga Pelawat, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (ALPH)



## Tugas dan fungsi ALPH HWKKS

### 1. Penghubung Antara Hospital Dan Komuniti

Bertindak sebagai penghubung dan mengeratkan hubungan antara Hospital dan komuniti. Ahli Lembaga boleh memainkan peranan perhubungan awam yang positif dengan memberi penerangan yang jelas kepada orang awam mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pihak hospital serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak hospital dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Dengan cara ini imej dan peranan sesebuah hospital akan dapat diperbaiki dan perkhidmatan Lembaga Pelawat akan disanjung tinggi.

### 2. Mengadakan lawatan ke hospital

Mengadakan lawatan ke hospital untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang diberikan di Hospital, masalah-masalah yang dihadapi oleh Hospital berkaitan perkhidmatan kepada pesakit dan waris, masalah yang dihadapi oleh pesakit dan waris berkaitan perkhidmatan hospital dan kebajikan yang boleh dilaksanakan bagi membantu pesakit dan waris. Ahli Lembaga hendaklah menyediakan laporan mengenainya selepas setiap lawatan dan membincangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat.

### 3. Perkhidmatan Kebajikan Kepada Pesakit Dan Hospital

Memberi perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit dan hospital umpamanya dengan mengumpulkan buku-buku dan majalah untuk bacaan pesakit, mengumpul dan menghadihkan pakaian lama kepada pesakit miskin serta mengumpul dan menghadihkan barang-barang permainan kepada pesakit kanak-kanak. Selain daripada itu, ahli Lembaga juga boleh secara peribadi menyumbangkan atau mendapatkan bantuan kewangan misalnya untuk membaiki surau menyediakan seni taman, tempat pesakit berehat dan sebagainya. Perkhidmatan sebegini akan dapat memberikan sumbangan positif daripada Ahli Lembaga Pelawat

### 4. Melibatkan Diri Dalam aktiviti Hospital

Melibatkan diri dalam aktiviti Hospital dengan komuniti seperti kempen menderma darah, kempen anti merokok dan sebagainya. Ahli Lembaga boleh mengatur program-program berkaitan untuk membantu Hospital menjayakan program-program yang membina. Dalam menjalankan semua tugas dan fungsi yang tersebut di atas, Ahli Lembaga tidak dibenarkan untuk mengganggu dalam sebarang urusan pentadbiran hospital dan rawatan pesakit.

### Hubungi kami

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan perkhidmatan oleh ALPH atau aduan yang ingin diajukan bolehlah menghubungi kami terus dengan cara-cara berikut:

Email: [alph.hwkks@gmail.com](mailto:alph.hwkks@gmail.com)

Nombor Whatsapp: **010-8264596**

Anda juga boleh melengkapkan ruangan di bawah bagi sebarang kemusykilan dan letakkan borang ini di mana-mana peti cadangan yang terdapat di sekitar HWKKS.

---

---

---

---

Nama:

Nombor telefon:



QR Code Facebook ALPH

## CARTA ORGANISASI

